

Rencana



UIAM BERHUJAH

Oleh
**FAIZAH IDRUS dan
SHAHRIZAD SA-IDUL HAJ**

SEJARAH penubuhan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) bermula pada 1977 dengan penerimaan resolusi Konfederasi Pendidikan Muslim Sedunia di Melaka anjuran Universiti Raja Abdul Aziz. Pada awal 1982, Perdana Menteri ketika itu, Tun Dr. Mahathir Mohamad merancang pernubuhan sebuah universiti Islam dengan kos ditaja Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

Semasa Mesyuarat Menteri-Menteri Luar OIC ke-13 di Nigeria, mereka menyokong cadangan tersebut. Setelah dipersempurna Kabinet, UIAM ditubuhkan secara rasmi pada 1983.

Seramai 153 pelajar sulung memulakan sesi akademik pertama pada Julai 1983. Kumpulan pelajar pertama ini terdiri daripada rakyat Malaysia dan pelajar antarabangsa.

Sehingga kini, UIAM mempunyai 30,649 pelajar dari 117 negara. Sehingga 2020, UIAM melahirkan kira-kira 90,000 pelajar peringkat siaswazah dan pascasiswaswazah. Kira-kira 80,000 daripadanya merupakan warganegara Malaysia.

Bukan itu sahaja, dalam mengulukukan lagi sayap UIAM di peringkat global, lapan *Alumni Chapter* ditubuhkan di Thailand (2002), Indonesia (2004), Bosnia-Herzegovina (2004), Maldives (2005), Australia (2005), Arab Saudi (2007), Singapura (2007) dan Oman (2008).

Nyata UIAM sedari awal penubuhannya melibatkan kepelbagai bangsa merangkumi pelbagai budaya serta bahasa dan cara hidup berbeza.

Situasi ini jelas memerlukan pemahaman budaya yang tinggi dalam kalangan pemimpin, pegawai, kakitangan serta pelajar UIAM sendiri bagi melahirkan suasana harmoni, damai dan tenang di bawah satu bumbung institusi pengajian tinggi Islam bertaraf antarabangsa pertama di tanah air ketika itu.



KEPIMPINAN Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) memupuk setiap warganya memahami ilmu budaya bagi membentuk personaliti yang memiliki sikap manusawi, bersopan santun serta berbudi bahasa. - UTUSAN/SHIDDIEQIIN ZON

Terap ilmu budaya di UIAM

“

Para pelajarnya disusun untuk berkongsi bilik dalam kalangan pelajar tempatan dan antarabangsa.”

ILMU BUDAYA

Pada awal penubuhannya, UIAM menerima para pelajar dari negara-negara Islam berperang, minoriti Islam malah yang mundur. Kehadiran pelajar-pelajar dari beberapa negara dengan kepelbagai budaya ini juga mengukuhkan fungsi UIAM dalam melestarikan ilmu budaya di pentas pengajaran tinggi antarabangsa.

Kepentingan ilmu budaya ini terkandung di dalam misi nombor enam UIAM, iaitu untuk meningkatkan pemahaman antara budaya dan mendidik peradaban masyarakat majmuk.

Budaya masyarakat adalah berbeza antara satu sama lain. Budaya juga merupakan satu cara hidup yang berkembang dan dimiliki serta diwarisi dari generasi ke generasi.

Hal inilah yang patut kita pelajari, lebih-lebih lagi bagi mereka yang terlibat dengan

organisasi yang mempunyai kepelbagai budaya seperti UIAM. Pemahaman budaya inilah ilmu budaya. Tanpa disedari ia meresapi kehidupan secara langsung dan tidak langsung sehingga menyebabkan kesukaran untuk kita memahami dan menerima budaya lain. Kegagalan memahami dan menerima perbezaan budaya mampu mengganggu emosi individu seterusnya memberi impak kepada pembentukan masyarakat jitu.

Justeru, kepimpinan UIAM berasa sangat penting untuk setiap warganya memahami ilmu budaya untuk membentuk personaliti manusia yang memiliki sikap manusawi, bersopan santun serta berbudi bahasa.

CERDAS, PINTAR BUDAYA

Ruang lingkup ilmu budaya harus dilihat dari kaca mata pemahaman manusia tentang budaya. Kredibiliti manusia untuk memahami budaya berbeza bergantung kepada kecerdasan dan kepintaran individu itu dalam menilai ilmu budaya.

Apakah cerdas budaya? Berbezakah ia dengan pintar budaya? Atau perlukah individu cerdas dan pintar budaya dalam satu masa?

Sering kali orang beranggapan cerdas dan pintar memiliki makna sama.

Hakikatnya, cerdas dan pintar berbeza dari segi pengertian, namun saling

melengkapi. Seorang yang pintar dan cerdas mampu mengembangkan potensi dirinya berbanding mereka yang pintar tetapi tidak cerdas atau mereka cerdas tetapi tidak pintar.

Makna pintar lazimnya adalah mengetahui, pandai dan memiliki ilmu. Dalamerti kata lain, orang pintar mendapat pengetahuan daripada usaha dan tindakannya sendiri. Maka tidak mustahil seorang pintar selalu dikaitkan dengan prestasi akademik manakala cerdas lebih cenderung kepada anugerah akal yang bijak sejak lahir. Seorang yang cerdas selalunya mudah memahami sesuatu situasi dan senang menyesaikan diri dalam apa jua keadaan sekalipun.

Dalam konteks ilmu budaya, pintar budaya bererti keupayaan seseorang memahami situasi perbezaan budaya melalui pengalaman sendiri sama ada secara sengaja ataupun tidak. Cerdas budaya pula keadaan seseorang memahami budaya dengan hanya menjadi pendengar atau pemerhati.

Mengambil contoh di UIAM, para pelajarnya disusun untuk berkongsi bilik dalam kalangan pelajar tempatan dan antarabangsa. Di sini, mereka perlu belajar memahami budaya rakan-rakan. Dalam konteks ini, mereka yang cerdas lebih cepat memahami dan

menerima perbezaan budaya dan kepintaran tersebut diasuh melalui pengalaman sendiri menjalani situasi perbezaan budaya dalam kalangan rakan-rakan dari luar negara.

HALA TUJU ILMU BUDAYA UIAM

Usaha pemantapan budaya di UIAM tidak hanya fokus kepada situasi konvensional sebaliknya mengambil kira situasi pandemik Covid-19 yang melanda dunia ketika ini. Norma baharu adalah satu ilmu budaya yang perlu difahami dan dipraktikkan oleh warga universiti.

Justeru, setiap warganya diberi penekanan terhadap pentingnya pemahaman ilmu budaya serta peningkatan pengetahuan antara budaya dalam usaha melahirkan persefahaman komuniti antarabangsa. Ia menjadi budaya UIAM yang tersendiri disokong oleh Kerangka Akademik Sejahtera (SAF). SAF dibuat berpadu dengan visi dan misi UIAM, paling utama - pertumbuhan sikap, pandangan dunia dan kesejahteraan pelajar dalam persekitaran Islam yang lestari sebagai budaya di UIAM.

PROFESOR Madya Dr. Faizah Idrus ialah Timbalan Dekan Pembangunan Pelajar & Khidmat Masyarakat, Kulliyah Pendidikan dan Shahrizad Sa-idul Haj ialah Timbalan Pengarah, Kulliyah Kejuruteraan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).